

Pewajaran Ratu Serimpak Sebagai Simbol Budaya dan Tradisi Etnik Sama-Bajau

The Justification of the Ratu Serimpak as a Symbol of Culture and Tradition of the Sama-Bajau Ethnic

Rosmah Derak¹, Saidatul Nornis Haji Mahali² & Noorafini Kassim³

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Article progress

Received: 22 Nov 2024

Accepted: 10 Jan 2025

Published: 31 May 2025

*Corresponding author:

Rosmah Derak,
Pusat Penataran Ilmu dan
Bahasa, Universiti Malaysia
Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota
Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Email: rosmah@ums.edu.my

Abstrak: Pertandingan Ratu Serimpak merupakan aktiviti kebudayaan etnik Sama-Bajau dalam usaha untuk mengangkat dan melestarikan warisan budaya ini agar terus diingati oleh masyarakat khususnya etnik Sama-Bajau. Serimpak merupakan hiasan kepala yang dipakai bersama dengan Badu Sipak (busana tradisi) oleh wanita etnik Sama-Bajau ketika majlis perkahwinan mahupun majlis keramaian. Busana tradisi ini menjadi simbol budaya dan tradisi etnik yang memperlihatkan keunikan dari segi reka bentuk dan warna yang terdapat dalam pakaian etnik ini. Kajian ini meneliti pewajaran Ratu Serimpak sebagai simbol budaya dan jati diri etnik Sama-Bajau di Sabah yang dipertandingkan di negeri Sabah. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kualitatif yang menggunakan pendekatan etnografi melalui tinjauan literatur, pemerhatian, dokumentasi visual dan temu bual bersama informan utama. Data visual yang dikumpulkan akan dianalisis melalui triangulasi untuk memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan dapatan. Data visual yang diperoleh akan dipindahkan ke data analisis selepas selesai proses triangulasi dilakukan. Dapatan kajian menunjukkan pertandingan Ratu Serimpak ini merupakan usaha penting untuk memartabatkan busana etnik Sama-Bajau di samping dapat memupuk kefahaman generasi muda etnik Sama-Bajau untuk mengenal lebih mendalam tentang warisan budaya etnik mereka. Penilaian terhadap peserta dalam pertandingan Ratu Serimpak merangkumi aspek pengetahuan dan perilaku budaya, kefasihan berbahasa ibunda, penilaian dalam pengayaan busana tradisi dan sesi soal jawab dapat dijadikan kayu ukur untuk menilai tahap kefahaman generasi muda etnik Sama-Bajau terhadap budaya dan bahasa mereka. Impak kepada kajian ini diharap dapat memberi sumbangan positif terhadap usaha untuk melestarikan budaya dan etnik melalui pertandingan Ratu Serimpak ini. Penganjuran pertandingan ini mampu menjadi tarikan kepada pelancong dalam dan luar Sabah untuk memahami warisan budaya di negeri Sabah.

Kata kunci: Busana Tradisi; Hiasan Kepala; Ratu Serimpak; Sama-Bajau; Sabah

Abstract: The Ratu Serimpak competition is a cultural activity of the Sama-Bajau ethnic group aimed at promoting and preserving this cultural heritage so that it remains remembered, especially by the Sama-Bajau community. Serimpak is a headdress worn together with Badu Sipak (traditional attire) by Sama-Bajau women during weddings or social events. This traditional attire has become a symbol of the culture and traditions of the ethnic group, showcasing uniqueness in terms of design and colors found in their clothing.

This study examines the justification of Ratu Serimpak as a symbol of culture and ethnic identity for the Sama-Bajau in Sabah, where the competition is held. The research method used is qualitative, with an ethnographic approach through literature review, observation, visual documentation, and interviews with key informants. The visual data collected will be analyzed through triangulation to ensure the accuracy and reliability of the findings. After the triangulation process, the visual data will be transferred to data analysis. The study findings suggest that the Ratu Serimpak competition is an important effort to elevate Sama-Bajau ethnic attire, while fostering a deeper understanding among the younger generation of the Sama-Bajau ethnic group about their cultural heritage. The evaluation of participants in the Ratu Serimpak competition includes aspects of cultural knowledge and behavior, fluency in the native language, assessment of the traditional attire's styling, and a question-and-answer session, all of which can serve as a gauge to assess the younger generation's understanding of their culture and language. The impact of this study is expected to make a positive contribution to the effort of preserving culture and ethnicity through the Ratu Serimpak competition. The organization of this competition has the potential to attract both local and international tourists to understand the cultural heritage of Sabah.

Keywords: Traditional Custom; Headdresses; Sabah; Sama-Bajau; Serimpak Queen/Ratu Serimpak

Pengenalan

Bahan dan produk budaya itu terdiri daripada bentuk-bentuk asas kebudayaan, sistem sosial serta budaya fizikal (Koentjaraningrat, 2000). Bentuk asas termasuklah norma, nilai dan falsafah yang memerlukan tempoh tertentu untuk berubah manakala sistem sosial berperanan sebagai cerminan bentuk asas berkenaan, serta produk budaya fizikal seperti bangunan, alat atau peralatan harian serta pakaian. Berkait pernyataan itu, orang-orang Sama-Bajau juga didapati mengekspresikan identiti mereka melalui budaya sama ada melalui budaya ketara mahupun budaya tidak ketara. Budaya ketara milik masyarakat ini seperti bentuk rumah tradisi, busana tradisi peralatan muzik, dan peralatan harian telah turut disesuaikan semula berasaskan alihan zaman, namun budaya tidak ketara seperti tradisi lisan, tarian, cerita rakyat, lagu, muzik dan falsafah masyarakat ini masih utuh bersama-sama pendukungnya orang-orang Sama-Bajau. Busana tradisi merupakan salah satu elemen budaya yang menjadi simbol dan identiti sesebuah masyarakat etnik. Busana dalam mana-mana masyarakat bukan hanya menutupi tubuh tetapi juga sebagai cerminan idea dan simbol masyarakat berkenaan yang sekaligus memperlihatkan cita rasa peribadi pemakainya (Koentjaraningrat, 2000). Busana tradisi itu mempunyai nilai-nilai falsafah penting. Ia dipakai dalam ritual tertentu bukan sekadar berfungsi sebagai hiasan atau formaliti acara, tetapi juga digubah berdasarkan pengalaman budaya dan pemikiran masyarakatnya.

Sabah bukan sahaja kaya dengan keindahan warisan semula jadi malah juga kaya dengan keragaman etnik dan budaya warisan penduduknya. Setiap etnik di Sabah mempunyai adat resam, kebudayaan dan amalan kepercayaan yang berbeza-beza. Selain agama, identiti setiap etnik diwakili oleh ciri-ciri lain misalnya setiap etnik mempunyai bahasa dan juga budaya warisan turun temurun. Kekayaan kebudayaan di Sabah itu bersumberkan warisan ketara dan warisan tidak ketara. Warisan budaya ketara (tangible cultural heritage) merujuk kepada artifak fizikal yang dihasilkan, dipelihara dan disampaikan antara generasi dalam masyarakat. Ia termasuk ciptaan seni, warisan binaan seperti bangunan, monumen, serta produk fizikal atau warisan ketara lain hasil kreativiti manusia yang mempunyai kepentingan budaya dalam masyarakat. Warisan budaya tidak ketara menunjukkan amalan, representasi, ekspresi, pengetahuan, kemahiran, instrumen/objek, artifak dan ruang budaya sebagai sebahagian daripada warisan budaya manusia (UNESCO, 2003). Contoh warisan tidak ketara (intangible heritage) pula adalah tradisi lisan, seni persembahan, pengetahuan tempatan, dan kemahiran tradisional.

Identiti Etnik

Identiti etnik di Sabah turut dirujuk sebagai perkongsian identiti dengan sesuatu kumpulan berdasarkan kesamaan latar sejarah, asal usul serta pengetahuan untuk mengenal pasti elemen simbolik seperti keahlian, agama yang dianuti dan bahasa (Forneyn & Rabolt, 1986). Aktiviti kebudayaan seperti Unduk Ngadau sangat sinonim dengan seluruh kumpulan etnik di bawah rumpun masyarakat Kadazandusun. Berkait itu, dalam kalangan etnik Sama-Bajau tidak pernah memaparkan sebarang budaya dan kepercayaan terhadap dewa-dewa seperti cerita rakyat berkait dengan Huminodun yang mengorbankan dirinya untuk kesejahteraan etnik Kadazandusun, yang kemudiannya dizahirkan dengan gelaran Unduk Ngadau, yakni gelaran yang menjunjung kesucian pengorbanan Huminodun sebagai lagenda etnik Kadazandusun (Florina Jumil, 2023). Kepercayaan terhadap lagenda Huminodun ini turut dikongsi oleh beberapa etnik lain, termasuklah Murut dan Rungus. Lantaran itulah, masyarakat Murut dan Rungus turut terlibat bersama untuk meraikan acara tersebut, bermula 30 sehingga 31 Mei pada setiap tahun. Sehingga kini, naratif lagenda Huminodun terus bersemadi dalam jiwa masyarakat bumiputera Sabah yang menjunjung semangat pengorbanan murni Huminodun sebagai satu aktiviti kebudayaan yang diraikan pada setiap tahun; ataupun cerita rakyat tentang dewi Kumang dalam masyarakat Iban yang memiliki kecantikan luar biasa. Malangnya etnik Sama-Bajau tidak mempunyai cerita legenda sedemikian untuk menuntuni Unduk Ngadau atau Kumang Gawai, malah tidak pernah wujud tradisi seperti Kaamatan atau Ari Gawai atau Andu Gawai dalam budaya etnik Sama-Bajau namun, hari ini telah ditampilkan suatu aktiviti kebudayaan yang dinamakan sebagai Ratu Serimpak/Sarimpak dalam kalangan masyarakat Sama-Bajau di Pantai Barat dan Ratu Lepa dalam kalangan orang-orang Bajau di Pantai Timur Sabah.

Aktiviti kebudayaan ratu serimpak mempertandingkan wanita-wanita Sama-Bajau dari setiap daerah yang ditempati oleh etnik Sama-Bajau menyebabkan aktiviti sedemikian seolah-olah meneladani aktiviti kebudayaan milik etnik peribumi lain di Borneo umumnya dan etnik Kadazandusun di Sabah khususnya. Konteks sedemikian menimbulkan persoalan apakah falsafah kebudayaan di sebalik penobatan Ratu Serimpak berkenaan. Meskipun dimaklumi bahawa aktiviti itu merupakan suatu pendekatan untuk pemeliharaan dan perlindungan warisan ketara yang dimiliki oleh etnik ini. Pewujudan aktiviti berkenaan menjadi motivasi kepada semua individu yang terlibat waima secara langsung mahupun tidak langsung dalam usaha memperkenalkan busana tradisi Sama-Bajau serta memelihara setiap simbol yang terdapat dalam busana berkenaan. Konteks sedemikian sejajar dengan usaha pemakluman yang telah dilakukan oleh UNESCO (2003) yang mahu melindungi warisan budaya tidak ketara. Konvensyen atau perjanjian antarabangsa itu memuktamadkan kemandirian terhadap warisan budaya tidak ketara, warisan budaya ketara, warisan sejadi serta menghargai peranan warisan budaya ketara sebagai sumber kepelbagaian budaya dan pemacu pembangunan lestari (UNESCO, 2003).

Perayaan kebudayaan juga dikatakan sebagai pembina nilai kesejahteraan dalam masyarakat yang mempunyai pelbagai identiti (Ulrich, 1998). Kesejahteraan masyarakat menunjukkan kejelasan penyertaan, perkongsian maklumat merentas sempadan, membina timbal balik sosial, menggunakan simbol, mitos, dan cerita untuk mencipta dan mempertahankan serta mengurus persamaan dan perbezaan supaya komuniti saling memahami antara satu dengan lain (Wills, 2001). Ciri perayaan sebagai satu pesta sambutan menyediakan peluang kebebasan dan perhubungan dan mengelakkan pengasingan struktur komuniti. Demikian itu perayaan menjadi nadi untuk mengekalkan hubungan ahli komuniti pelbagai identiti kerana perayaan mempunyai kapasiti untuk mengikat komuniti secara bersama (Derret, 2008). Sebagaimana pernyataan Koentjaraningrat (2000) yang menegaskan tujuh elemen dalam budaya yang merangkumi pengetahuan, bahasa, masyarakat, teknologi, ekonomi, agama dan seni. Kewujudan budaya dapat dilihat melalui inspirasi idea, aktiviti mereka dan artifak atau objek budaya yang dihasilkan. Oleh yang demikian, setiap anggota etnik Sama-Bajau perlu menyedari bahawa aktiviti kebudayaan seperti Ratu Serimpak itu merupakan satu aktiviti yang mendukung fungsi budaya.

Busana tradisi memiliki nilai falsafahnya tersendiri yang membezakannya dengan etnik lain. Busana tradisi dipakai dalam ritual tertentu bukan sahaja berfungsi sebagai hiasan atau formaliti acara tetapi juga disusun berdasarkan pengalaman budaya dan pemikiran masyarakat. Busana juga adalah simbol identiti, yang berkait dengan hak dan kewajiban pemakainya (Condronogoro, 1995). Perkara sama ditegaskan oleh Riza Mutia (1996) bahawa busana tradisi yang dipakai secara turun-temurun merupakan suatu identiti diri dan menjadi kebanggaan bagi sebahagian besar masyarakat pendukung kebudayaan berkenaan. Simbol busana tradisi tidak boleh diubah atau

dimodifikasi tanpa mengambil kira peraturan standard dalam masyarakat berkenaan. Ia juga menunjukkan cita rasa peribadi pemakainya. Dalam sistem busana tradisi, kain berperanan untuk menggambarkan pola semiologi yang mampu mewakili teks (Barthes, 2013). Dalam konteks ini, fungsinya perlu disemak daripada perspektif penggunaan simbol serta setiap hiasan yang ditampilkan ke pakaian tradisi etnik ini. Isunya, hiasan keterlaluan seolah-olah telah menenggelamkan pakaian tradisi yang asal. Dimaklumi bahawa perhiasan pada busana bukan sahaja mampu menonjolkan identiti dan budaya malah ia turut memaparkan nilai keindahan, kreativiti serta bakat penciptanya. Walau bagaimanapun, penggunaan hiasan yang terlalu sarat juga boleh merosakkan nilai identiti serta budaya pemiliknya. Hal sedemikian berlaku berkemungkinan kerana pengaruh fesyen moden yang cuba disesuaikan pemakaiannya ke atas busana tradisi. Sekaligus busana tradisi Sama-Bajau itu akan bakal kehilangan identiti asalnya jika pengaruh fesyen moden diterap secara berterusan dan berlebihan. Konteks sama turut berlaku dalam busana tradisi etnik seperti busana etnik Kadazandusun (Jenefer Masirin & Prinses Saliang, 2018); demikian juga dalam kalangan etnik Tatana (Humin Jusilin, 2019). Hiasan yang ditampilkan pada busana tradisi Sama-Bajau itu berupaya memperlihatkan pelbagai fungsi budaya selain untuk meningkatkan kecantikan busana, ia juga mengekspresikan status sosial dan memaparkan identiti warisan masyarakat ini. Masukan elemen baru dan moden ke dalam busana tradisi Sama-Bajau sememangnya menarik perhatian khusus dari kalangan generasi mudanya, namun ia turut akan memberi dampak besar apabila generasi muda khususnya generasi Z tidak lagi mengenal busana asal dalam budayanya dan mereka akan menganggap busana yang dipakai oleh Ratu Serimpak itu sebagai busana yang asal. Justeru, isu berkenaan perlu ditangani agar pengetahuan dan kesedaran tentang reka corak busana asal, istilah serta fungsi perlu diketahui oleh pendukungnya. Konteks sedemikian telahpun dihadapi oleh generasi muda etnik Tatana yang memahami dan merujuk busana tradisi mereka sebagai suatu keseragaman ketika melibatkan diri dalam kegiatan kebudayaan (Humin Jusilin, 2019).

Sorotan Literatur

Terdapat banyak tulisan yang terhasil daripada penelitian-penelitian yang dilaksanakan terhadap etnik Sama-Bajau, namun didapati sedikit sekali tulisan yang memerihai tentang busana tradisi Sama-Bajau apatah lagi aspek yang berkait dengan busana tradisi yang dipakai semasa pertandingan Ratu Serimpak. Kebanyakan literatur dikongsi dalam konteks busana tradisi rumpun etnik Kadazandusun misalnya hasil tulisan Humin Jusilin & Salbiah Kindoyop (2015; 2016; 2017) yang telah meneliti pakaian tradisional etnik Suang Lotud di daerah Tuaran, Sabah, dan Salbiah Kindoyop et al. (2017) pula meneliti pakaian tradisional etnik Tindal di daerah Kota Belud, Sabah. Pemerian bahan difokuskan kepada aspek struktur pakaian, ragam hias, rekaan, serta elemen sosial dalam pakaian. Dengan hanya berasaskan pakaian tradisional, ia mampu menterjemahkan pemikiran, simbol status dan jati budaya masyarakat berkenaan. Selain itu, Humin (2019) turut berkongsi maklumat berkaitan dengan pakaian tradisional etnik Tatana di Kuala Penyu, Sabah. Tumpuan perbincangan juga diberi kepada aspek ragam hias, warna, simbol, corak pada busana serta perubahan yang berlaku ke atas busana tradisi berkenaan. Selain pakaian tradisional, penggunaan dan pemilihan warna turut berperanan penting dalam konteks penciptaan warisan budaya ketara dalam mana-mana masyarakat di dunia.

Humin Jusilin (2013) juga berkongsi hasil kajiannya terhadap lemba' (pelamin perkahwinan) dalam masyarakat Iranun di Sabah. Lemba' menampilkan reka bentuk tersendiri yang menonjolkan artifak budaya dan kerencaman warisan adat sebagai identiti mereka. Reka bentuk lemba' menggabungkan material seperti paha, tepak sireh, barang kemas (tembaga), dulang, tempat duduk, tempat tidur, perhiasan diri, sepak manggis dan pelbagai alatan lain. Selain itu, seluruh ruang pelamin dihiasi dengan pelbagai jenis ulap-ulap (kain tabir), kelambu, bantal, payung, tikar yang turut memberi maksud kepada budaya Iranun. Penggunaan warna yang diperagakan pada pelamin perkahwinan Iranun turut mencerminkan identiti dan status kedudukan sosial individu dalam masyarakat. Warna juga mampu mendatangkan kesan menarik jika ia digabung jalin dengan teliti dan disesuaikan dengan hiasan yang melatari bahan-bahan budaya ketara berkenaan. Konteks berkenaan dikongsi oleh Saidatul Nornis Hj. Mahali (2009) yang meri penggunaan warna pada dua warisan budaya ketara etnik Sama-Bajau, iaitu tipo selisir dan sempangan. Pemilihan dan klasifikasi warna yang diguna ke atas kedua-dua bahan budaya berkenaan memaparkan hubungan antara alir fikir dan suasana sosial pendukungnya. Set warna yang diguna juga dapat ditanggapi sebagai kod untuk menyampaikan perutusan tertentu bagi mengawal peri laku ahlinya, selain mereka menggunakan set warna sedemikian sebagai pernyataan perasaan, perlakuan, kekuasaan, penghormatan dan kemegahan, sekaligus sebagai kaedah untuk menstrukturkan amalan sosiobudaya yang berada di sekitar mereka. Siti Halizah Mudin et al. (2019) turut berkongsi tentang tubau yang merupakan destar yang ditenun dan pelengkap kepada pakaian tradisional masyarakat Iranun di Sabah. Terdapat tiga kategori bagi corak tubau, yakni a) cerminan (reflection), b) translasi (translation) dan c) putaran (rotation) yang memperlihatkan identiti dan keaslian tenunan masyarakat ini, sekaligus corak berkenaan juga menunjukkan hadirnya kerencaman serta proses

asimilasi budaya dalam kalangan masyarakat ini. Selain itu, corak dan motif destar berperanan untuk memaparkan nilai budaya yang signifikan dengan nilai intrinsik dalam pembentukan corak. Dengan maksud lain, belum banyak literatur yang membincangkan tentang busana tradisi etnik Sama-Bajau untuk bacaan khalayak umum. Justeru, perkongsian melalui tulisan ini diusahakan untuk mengetengahkan busana tradisi etnik Sama-Bajau menerusi paparannya semasa aktiviti kebudayaan Ratu Serimpak yang secara tidak langsung mampu diwajarkan sebagai simbol dan jati diri etnik Sama-Bajau di Sabah.

Metodologi

Penelitian bersifat etnografi dianggap sebagai satu kajian asas dalam penyelidikan sosial. Ia juga merupakan penjelasan bertulis terhadap sesuatu budaya, kepercayaan, dan peri laku yang dikumpulkan daripada lapangan (Marican, 2005). Ia juga merupakan kajian deskriptif ke atas budaya, subbudaya, institusi atau kumpulan sesebuah masyarakat. Pendekatan etnografi dipilih kerana ia membolehkan penyelidik menganalisis interaksi budaya secara langsung di lokasi kajian dan melalui data visual. Sebagai metodologi deskriptif, etnografi menyediakan ruang untuk memahami variasi budaya secara holistik, terutama dalam masyarakat yang kaya dengan tradisi seperti Sama-Bajau (Marican, 2005). Penelitian etnografi umumnya menggariskan tiga pertimbangan, (i) tinjauan literatur melalui pencarian di pustaka; (ii) himpunan dan koleksi subjek kajian melalui foto dan audio visual yang biasanya diperoleh daripada data di lapangan; dan (iii) mengenal pasti dari segi variasi, persamaan dan perbezaan unsur-unsur yang dikaji. Oleh yang demikian, penelitian ini telah mengaplikasikan pendekatan kualitatif yang meneliti data menggunakan analisis estetik.

Data kajian ini dikumpulkan melalui tiga kaedah utama dengan pendekatan triangulasi data untuk meningkatkan kesahihan dan kebolehpercayaan dapatan. Tinjauan literatur dilakukan untuk memahami konteks budaya dan sejarah busana tradisional melalui jurnal, katalog, dan buku. Pemerhatian dan dokumentasi visual melibatkan lawatan ke festival kebudayaan untuk merakam busana, hiasan kepala, dan elemen simbolisme melalui foto serta video berdurasi lima jam. Temu bual separa berstruktur pula dijalankan dengan informan utama untuk mendapatkan pemahaman mendalam tentang makna budaya dan pengaruh moden terhadap busana tradisional, menggunakan rakaman suara dan video. Triangulasi data diaplikasikan dengan mengintegrasikan hasil daripada tinjauan literatur, dokumentasi visual, dan temu bual untuk meningkatkan ketepatan analisis. Data yang dikumpulkan dipindahkan ke bentuk analisis melalui proses triangulasi yang membandingkan elemen-elemen budaya dan simbolisme dari pelbagai perspektif. Data visual dipindahkan ke bentuk analisis melalui triangulasi yang melibatkan dokumentasi, pemerhatian visual, dan temu bual seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Paparan Proses Pengumpulan Data

Data	Sumber data	Jenis-Jenis data	Instrumen	Lokasi
Dokumentasi	Internet/ Pustaka/ Muzium	Jurnal/ buku/ katalog dsb	Komputer/Wifi	Online/Muzium/ Pustaka
Pemerhatian & Dokumentasi Visual	Lawatan ke lokasi kajian	Gambar/Video Data Visual/Rakaman berdurasi 5 jam	Kamera	Pusat Kebudayaan Rumpun Bajau-Sama/Festival Kebudayaan Rumpun Bajau-Sama
Temu Bual	Rakaman suara, Rakaman Video, Nota lapangan	Rakaman suara/ Rakaman Video/Catatan Nota di Lapangan	Video/Alat Perakam	Lokasi: Kampung Sembirai, Kota Belud, Sabah.

Keputusan & Perbincangan

Masyarakat Sama-Bajau dapat dicirikan berdasarkan latar penempatan utama mereka, iaitu di daerah Kota Belud sebagai lokasi dominan selain daerah-daerah lain seperti Tuaran, Tenghilan, Papar dan sepanjang pantai Barat Sabah, sedangkan kumpulan Bajau Semporna pula majoritinya mendominasi daerah Semporna di Timur Sabah. Dari segi bahasa, kedua-dua kelompok masyarakat ini menuturkan variasi dialek berbeza. Pakaian tradisional orang-orang Bajau di Pantai Timur dikenali sebagai *alal bimbang* (Norshahira Abdul Said & Leng Poh Gee, 2023) sedangkan di Pantai Barat Sabah, busana tradisi itu dikenali sebagai *Badu Sipak* dirujuk kepada busana wanita sahaja manakala *Badu Sampit* adalah dirujuk kepada busana lelaki. Pakaian tradisional masyarakat ini turut memperlihatkan perbezaan, khususnya pada reka bentuk busana

perempuan. *Badu Sipak* merupakan sejenis pakaian yang memiliki sepasang persalinan berwarna kuning, yakni persalinan lengkap yang terdiri daripada baju dan kain berserta hiasan kepala, hiasan kuku serta hiasan dada yang dipakai oleh wanita-wanita Sama-Bajau sama ada semasa perkahwinan mahupun semasa aktiviti-aktiviti kebudayaan seperti tarian, nyanyian, dan aktiviti terbaru dikenali sebagai Ratu Serimpak. Pelengkap kepada busana berkenaan adalah hiasan kepala yang dikenali sebagai serimpak/sarimpak. Selain itu, *Badu Sipak* turut memaparkan penggunaan warna-warna terang seperti kuning-jingga yang mendominasi setiap inci busana. Walau bagaimanapun, tulisan ini hanya memerikan pencitraan terhadap aktiviti kebudayaan yang baru diperkenalkan ke dalam masyarakat ini, yakni Ratu Serimpak.



Foto 1. Contoh Serimpak Etnik Sama-Bajau

Sumber: Page Facebook Nazir Badu Sama

Foto 1 di atas memaparkan contoh hiasan kepala yang dipakai bersekali dengan *Badu Sipak*. Terdapat pelbagai reka bentuk bagi hiasan kepala ini, namun asaskan ia berbentuk melengkung seumpama tanduk kerbau dan dahulunya dihasilkan daripada tembaga. Perubahan masa menyaksikan perubahan penggunaan material serimpak, yakni daripada tembaga yang berat untuk diletak di atas kepala dialihkan kepada sejenis zink yang ringan dan harganya lebih murah berbanding tembaga. Aktiviti kebudayaan yang dipertandingkan telah dinamakan sebagai Ratu Serimpak, yakni mengambil nama sempena hiasan kepala busana tradisi Sama-Bajau. Hiasan kepala itu biasanya dipakai oleh wanita atau gadis Bajau semasa perkahwinan, persembahan tarian atau semasa majlis-majlis keramaian/kebudayaan. Busana tradisi Sama-Bajau tidak akan dianggap lengkap tanpa hiasan berkenaan. Kegiatan budaya ini diperkenalkan dengan tujuan untuk mengangkat dan melestarikan budaya etnik Sama-Bajau agar diketahui oleh generasi masa kini. Di peringkat negeri, pertandingan ini terbuka kepada semua individu wanita/perempuan berbangsa Sama-Bajau dari seluruh daerah di Sabah. Pemenang diadili berdasarkan kecantikan, gaya, tingkah laku dan kebijaksanaan mereka.

‘Tamu’ merujuk kepada ruang terbuka yang menjadi medan pertemuan antara pengeluar-pengguna (Chong & Low, 2008). Ia bermula apabila residen British yang pertama di Tempasuk (Kota Belud), William Pretymen telah memperkenalkan *semio* (tamu) pada 13 Dis 1878 kepada penduduk Tempasuk dan ia kekal wujud sehingga kini. Tamu Kota Belud telahpun berusia 146 tahun (North Borneo Philately [Jabatan Arkib Negeri Sabah]). Pertandingan Ratu Serimpak sering diadakan semasa Tamu Besar Kota Belud. Ratu Serimpak kemudiannya telah dijadikan sebagai salah satu acara kebudayaan yang turut dipertandingkan di peringkat negeri Sabah. Kegiatan berkenaan bermula sebaik sahaja Pusat Kebudayaan Persatuan Rumpun Bajau Sama (PRBSS) di Kampung Lok Batik, Tuaran beroperasi pada tahun Ogos 2022. Idea penubuhan pusat berkenaan bertujuan untuk memelihara dan mengangkat budaya tradisi rumpun etnik Sama-Bajau.



Foto 2. Pertandingan Ratu Serimpak di Tamu Besar Kota Belud Pada Tahun 2009
Sumber: <https://kotabeludhijau.wordpress.com/2009/10/20/tamu-besar-kota-belud-24-25-10-2009/>



Foto 3. Serimpak (perhiasan di kepala) yang dipakai bersama *Badu Sipak*
Sumber: Page Facebook Pusat Kebudayaan Bajau Sama

Foto 2 dan 3 di atas memaparkan contoh Ratu Serimpak dari dua daerah berbeza. Foto 2 menunjukkan Ratu Serimpak yang dipertandingkan semasa tamu besar Kota Belud, manakala Foto 3 pula paparan Ratu Serimpak di pusat kebudayaan rumpun Sama-Bajau, Tuaran. Dalam konteks moden kini, idea untuk menjadikan pertandingan Ratu Serimpak sebagai suatu upaya memartabatkan seni reka busana tradisi merupakan suatu idea yang bernas. Hal ini kerana didapati ramai dari kalangan generasi muda Sama-Bajau khususnya generasi X-Z sudah tidak lagi mengetahui makna tersirat di sebalik seni reka busana tradisi. Seiring itu, dengan pewujudan pertandingan seumpama ini ia dapat memberi peluang kepada generasi muda Sama-Bajau mengetahui, menelaah dan memahami setiap syarat serta keperluan untuk memasuki pertandingan Ratu Serimpak. Pihak penganjur telah mensyaratkan empat perkara untuk dilakukan oleh semua peserta pertandingan bagi melayakkan mereka dinobatkan sebagai ratu, iaitu (i) penilaian pengetahuan dan peri laku budaya; (ii) penilaian kefasihan bahasa; (iii) penilaian pengayaan busana; dan (iv) penilaian secara tanya-jawab.

(i) Penilaian pengetahuan dan peri laku budaya

Semua peserta pertandingan ini perlu memenuhi dan melengkapkan ujian peri laku budaya. Antara ujian berkenaan adalah aktiviti *nepo parai* (menumbuk padi), *ngukur suka'* (memarut kelapa), *ngelabu' penjaram* (memasak kuih penjaram) dan *ngelapat* (melipat daun). Kesemua aktiviti berkenaan sinonim dengan kegiatan harian tradisi etnik ini, yakni sebelum elemen pemodenan menjajahi kehidupan mereka. Ujian perilaku sedemikian dipilih kerana ia penting untuk membuktikan dan memperlihatkan keupayaan generasi muda etnik ini mampu melakukan kerja-kerja rencam tradisi yang biasa dilakukan oleh wanita-wanita Sama-Bajau pada suatu ketika dahulu. Ujian pengetahuan pula bersekali dengan perilaku kerana semua perbuatan berkenaan memerlukan pengetahuan generasi muda untuk melaksanakannya. Sekiranya tiada pendedahan awal dibuat oleh ibu bapa mereka di rumah, maka agak sukar bagi para peserta untuk melaksanakan ujian aktiviti-aktiviti berkenaan dengan baik.

(ii) Penilaian kefasihan bahasa

Fasih dalam bahasa ibunda merupakan suatu kelebihan kepada penuturnya. Memandangkan kini (abad ke-21) bahasa ibunda semakin ditinggalkan kerana ramai daripada kalangan generasi muda Sama-Bajau kurang fasih bertutur bahasa ibundanya. Salah satu penyebabnya adalah penutur muda mulai beralih ke bahasa dominan seperti bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris sebagai pilihan bahasa tutur. Hal sama turut berlaku terhadap bahasa-bahasa etnik lain di Sabah. Oleh yang demikian, pihak penganjur pertandingan telah mengambil inisiatif mengadakan ujian kefasihan bahasa Sama-Bajau sebagai suatu usaha penggalak bagi peserta pertandingan untuk berinteraksi menggunakan bahasa ibunda. Para peserta diminta menggunakan bahasa ibunda untuk memperkenalkan diri seperti menyatakan nama, umur, daerah yang diwakili dan juga mereka bebas mengekspresikan diri mereka dengan cara berpantun dalam bahasa ibunda untuk memikat hati para juri dan penonton. Kebolehan berbahasa ibunda para peserta teruji dalam aktiviti ini. Konteks ujian bahasa turut mengambil kira variasi dialek Sama-Bajau di pantai barat dan pantai timur Sabah. Namun, tiada penyeragaman rasmi yang ditetapkan, membolehkan peserta menggunakan variasi dialek mereka sendiri. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa Melayu dominan dalam kalangan generasi muda menyebabkan cabaran untuk menunjukkan kefasihan penuh dalam bahasa ibunda masing-masing. Didapati ada peserta yang kurang mahir berbahasa ibunda mengakibatkan wujud percampuran bahasa ibunda dengan bahasa Melayu ketika sesi memperkenalkan diri berlangsung. Konteks sama turut dilakukan dalam pertandingan seperti *Unduk Ngadau* dan *Kumang Gawai*. Kefasihan berbahasa ibunda merupakan daya penarik dan kelebihan untuk dinobatkan sebagai ratu. Seseorang ratu itu perlu memiliki kefasihan berbahasa Sama-Bajau yang merupakan simbol dan identiti etnik ini. Justeru itu, ujian seumpama ini merupakan suatu usaha untuk mewujudkan kesedaran berbahasa, dan sekaligus menimbulkan minat generasi muda Sama-Bajau untuk berbahasa Sama-Bajau.

(iii) Penilaian pengayaan busana tradisi

Busana tradisi menjadi kebanggaan kepada masyarakat penciptanya. Ia dicipta bagi mewakili nilai dan norma budaya pendukung sekaligus melalui busana, ia mampu memaparkan pandang dunia serta menjadi identiti pendukungnya. Dalam mana-mana pertandingan, busana merupakan bahagian yang wajib diperaga dan dinilai waima daripada aspek keaslian, kekemasan, hiasan serta pengayaan yang mampu mencerminkan wanita asli Sama-Bajau. Hal itu sedemikian kerana sekiranya wujud elemen-elemen yang bercanggah dengan konsep asal busana tradisional maka ia akan dianggap sebagai pengubahsuaian daripada makna dan simbol asal budaya yang dipapar menerusi busana tradisi. Meskipun dimaklumi bahawa pada zaman moden kini terdapat banyak aksesori seperti manik, labuci dan sebagainya namun penggunaan aksesori berlebihan ditanggap sebagai tidak mewakili konteks sebenar busana tradisi Sama-Bajau.

(iv) Penilaian secara tanya-jawab

Sepertimana pertandingan ratu dunia, *Unduk Ngadau* dan *Kumang Gawai*, pertandingan ini turut menghadirkan penilaian secara lisan, yakni proses tanya-jawab yang diwajibkan ke atas semua peserta. Enam peserta teratas (*top 6*) akan melalui sesi tanya-jawab di atas pentas. Prosesnya, peserta dikehendaki mencabut soalan yang disediakan oleh juri dan pengacara akan membacakan soalan yang diperolehi dalam bahasa Melayu. Para peserta berkenaan pula diminta menjawab soalan tersebut, namun tidak dinyatakan sama ada peserta perlu menjawab dalam bahasa ibunda ataupun bahasa Melayu. Pihak penganjur tidak mensyaratkan agar jawapan diberi dalam bahasa ibunda namun para peserta seharusnya tahu dan sedar bahawa pertandingan Ratu Serimpak itu diupayakan untuk memartabatkan budaya Sama-Bajau, maka sepatutnya semua jawapan diberi dalam bahasa ibunda.

Pewajaran Ratu Serimpak sebagai Identiti dan Tradisi Budaya

Dalam *Kamus Dewan*, dicatat beberapa maksud bagi perkataan 'wajar' - (1) memang begitu halnya (keadaannya dll); (2) memang begitu sifatnya (kudratnya, tabiatnya); (3) dengan begitu sahaja, tidak dibuat-buat (dipaksa-paksa), tidak dibuat-buat; (4) sesuai dengan yang seharusnya, sebagaimana semestinya, sebagaimana patut (*Kamus Dewan*, 2015: 1794-1795). Berasaskan pendefinisian berkenaan maka maksud keempat diguna pakai sebagai frasa untuk dikaitkan dengan aktiviti Ratu Serimpak. Meskipun etnik Sama-Bajau tidak mempunyai sebarang sejarah dan mitos padi seperti etnik Kadazadusun namun pewujudan pertandingan ratu serimpak tidaklah menyalahi budaya masyarakat ini kerana masih wujud persamaan dengan etnik Kadazadusun, yakni daripada aspek pertanian khususnya penanaman padi yang turut dijadikan sebagai sumber ekonomi bagi etnik Sama-Bajau yang mendominasi daerah Kota Belud. Etnik Sama-Bajau di daerah Kota Belud telah mempelajari kaedah penanaman padi melalui jiran mereka, iaitu etnik Kadazadusun.

Sejajar itu, adalah sangat tidak menghairankan apabila idea awal pewujudan Ratu Serimpak itu diambil dan ditiru daripada etnik Kadazandusun kerana hadirnya ciri persamaan pertanian padi dalam sekitaran hidup mereka.

Daripada perspektif lain, Ratu Serimpak telah secara tidak langsung mengangkat budaya Sama-Bajau ke satu peringkat yang lebih baik. Sebelumnya, tidak pernah busana tradisi atau aktiviti budaya sedemikian dilaksanakan dan dipertandingkan. Sebenarnya idea tentang Ratu Serimpak itu lahir daripada penganjuran tahunan Tamu Besar Kota Belud yang dilaksanakan pada setiap tahun. Memandangkan belum wujud acara sedemikian di peringkat lebih besar, maka dimanfaatkan kewujudan pusat kebudayaan rumpun Sama-Bajau sebagai lokasi pertandingan Ratu Serimpak bagi peringkat negeri Sabah sempena Festival Kebudayaan Rumpun Bajausama Negeri Sabah. Secara tidak langsung aktiviti budaya ini berjaya meningkatkan sumber pendapatan masyarakat sekitar daerah Kota Belud khususnya semasa Tamu Besar dan ia menjadi daya tarik dalam perancangan kalendar pelancongan negeri Sabah. Dengan kata lain, selain perayaan *Kaamatan (Unduk Ngadau)* dan hari Gawai (*Kumang Gawai*) yang dirai pada setiap bulan Mei dan Jun, pertandingan Ratu Serimpak turut disenaraikan dalam kalendar pelancongan yang diadakan pada setiap bulan Februari yang turut mampu mengundang lebih ramai pelancong dari luar Sabah.

Perubahan gaya hidup sekaligus akan sebanyak sedikit mengubah pola dan cara fikir mana-mana kumpulan etnik, tidak terkecuali bagi etnik Sama-Bajau. Busana Ratu Serimpak telah memperlihatkan banyak pengubahsuaian dan sangat jelas hadirnya pengaruh reka bentuk dan reka corak daripada etnik-etnik berjiran. Tidaklah bersalahan wujud pengaruh reka bentuk dan corak etnik lain, namun ia tidak sepatutnya ditiru secara keterlaluan kerana tindakan sedemikian akan melunturkan keaslian busana tradisi berkenaan. Seyogia, set *Badu Sipak* merupakan penataan simbol budaya dan identiti masyarakat Sama-Bajau. Elemen alam seperti penerapan bentuk geometrik yang tersirat bentuk flora seperti corak bunga labu dengan jelas merupakan respresentasi daripada unsur alam, dan reka bentuk serimpak seakan-akan tanduk kerbau membuktikan bahawa kehidupan etnik Sama-Bajau sentiasa dilatari oleh alam pertanian. Penggunaan warna terang khususnya kuning memaparkan emosi, karakter serta keperibadian pemakainya. Sepertimana pendapat Yuliarma (2016) yang menyatakan bahawa warna adalah faktor yang sangat dominan sebagai penarik perhatian. Semua tatanan warna harus diperhatikan mulai daripada busana asas, pelengkap, hiasan, rias wajah sehingga rias rambut. Pemilihan dan penggunaan warna menarik dan terang menjadikan sesuatu benda dapat dilihat. Demikian pepaduan warna dan simbol tenun melalui *Badu Sipak* menzahirkan identiti serta nilai budaya yang tersirat dalam jiwa seorang Sama-Bajau.

Pertandingan ini juga wajar untuk diketengahkan kerana semakin ramai generasi muda Sama-Bajau yang kurang mengetahui peri pentingnya busana tradisi. Satu set *Badu Sipak* yang lengkap bukan sekadar untuk memperlihatkan kecantikan individu yang memperagakannya sebaliknya lebih daripada itu, ia memaparkan elemen sekitaran yang melatari kehidupan etnik Sama-Bajau. Generasi muda Sama-Bajau perlu didedahkan sepenuhnya kepada *Badu Sipak* khususnya dari aspek asas material, asas hiasan dan asas warna sebelum wujudnya *Badu Sipak* kini. Hal ini perlu sebagai langkah revitalisasi keaslian *Badu Sipak* sebelum ia tenggelam dengan keragaman fesyen moden yang menghilangkan asas dan nilai tradisi busana berkenaan. Sesungguhnya, warisan budaya ketara seperti *Badu Sipak* yang dipakai semasa pertandingan Ratu Serimpak itu membuktikan kearifan budaya Sama-Bajau yang disesuaikan dalam banyak konteks, yakni daripada kehidupan di laut yang kemudiannya beralih ke pertanian, dan kini berkemungkinan etnik Sama-Bajau turut akan meninggalkan dunia pertanian dan beralih ke aspek pekerjaan moden. Dalam kata paling mudah, aktiviti kebudayaan seperti Ratu Serimpak berhasil mengeksplorasi pemahaman yang baik terhadap kekayaan budaya etnik Sama-Bajau, dan bernas untuk diwujudkan semula dalam usaha merangsang kesedaran generasi muda Sama-Bajau untuk membantu melestari budaya dalam konteks besar keragaman budaya etnik di Sabah.

Kesimpulan

Dari rumah ke pentas ratu, set *Badu Sipak* menzahirkan suatu struktur kemasyarakatan yang masih bersifat tradisi. Busana *Badu Sipak* bukan sekadar dipakai untuk menutupi tubuh sebaliknya ia menampilkan mesej-mesej tersirat berkait dengan nilai estetik serta nilai budaya Sama-Bajau. Keanekaragaman budaya di Sabah berperanan sebagai penyumbang kepada pelbagai kesamaan yang wujud dan ia terlihat dalam pelbagai kebudayaan etnik di negeri ini waima berbentuk warisan ketara mahupun warisan tidak ketara. Ia membentuk suatu ikatan budaya yang menyatukan seluruh anggota etnik di Sabah. Meski kegiatan budaya seperti Ratu Serimpak secara asasnya tidak berasal daripada budaya masyarakat Sama-Bajau, namun perlaksanaannya memperlihatkan dampak positif terhadap seluruh struktur masyarakat itu sendiri. Selain sebagai identiti etnik, Ratu Serimpak turut mengungkap keindahan karakter dan kearifan etnik Sama-Bajau yang digabungkan melalui seluruh set *Badu Sipak* berkenaan. Visualisasi daripada *Badu Sipak* yang menjadi set kepada Ratu Serimpak berpadu dan wajar untuk diketengahkan sebagai warisan budaya ketara milik etnik Sama-Bajau yang

seharusnya perlu didokumentasi lengkap sebagai upaya pendokumentasian dan pelestarian busana tradisi.

Penghargaan

Makalah ini merupakan sebahagian daripada Geran Kluster UMS kod geran DKP0002 bertajuk Penerimaan Generasi Z Etnik Bajau Samah dalam Warisan Budaya Tak Ketara (Muzik tradisi dan Seni Persembahan).

Rujukan

- Barthes, R. (2013). *The language of fashion*. Los Angeles: Bloomsbury Publishing.
- Chong Han San & Low Ai Fuah. (2008). *The tamu native market*. Kota Kinabalu: OPUS.
- Condrongoro, Mari S. (1995). *Busana adat keraton Yogyakarta*. Yogyakarta: Yayasan Pustaka Nusantara.
- Derrett, R. (2008). *Regional festivals nourishing community resilience: The nature and role of cultural festivals in Northern Rivers NSW communities*. Southern Cross University, Lismore, NSW. Doctoral dissertation. unpublished.
- Florina Jumil. (2023). Unduk Ngadau: Sejarah, falsafah dan tradisi. *Jurnal Antarabangsa Pengajian Kepulauan Melayu* 1(3), 55-62.
- Forney, J. C., & Rabolt, N. J. (1986). Ethnic Identity: Its Relationship to Ethnic and Contemporary Dress. *Clothing and Textiles Research Journal*, 4(2), 1-8. <https://doi.org/10.1177/0887302X8600400201>
- Humin Jusilin & Salbiah binti Kindoyop. (2015). Reka bentuk dan hiasan linangkit pada pakaian tradisional Dusun Lotud di Tuaran. *Gendang Alam*, 5, 39-61.
- Humin Jusilin & Salbiah binti Kindoyop. (2016). Rekaan busana tradisional wanita etnik Lotud di Sabah. Dlm. *Mat Zin Mat Kib, Christina Andin & Ismail Ali (Eds.). Pluralisme Etnisiti Sabah dan Sarawak*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah. Pp:165-178.
- Humin Jusilin. (2013). Lemba' (Pelamin): Sebagai objek budaya dalam adat perkahwinan masyarakat Iranun di Sabah. *TENIAT: International Journal of Creative Futures and Heritage*, 1(1), 112-128.
- Humin Jusilin. (2019). Identiti budaya dalam reka bentuk busana tradisi wanita Tatana di Kuala Penyu Dlm. *Ismail Ibrahim, Mat Zin Mat Kib & Sim Chee Cheang (Eds.). Borneo dalam Kepelbagaian Perspektif*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah. 239-255.
- Jenefer Masirin & Prinses Saliang. (2018). Sustaining ethnic identity through fashion. *International Journal of INTI*, 22, Special Issue, 48-53.
- Kamus Dewan. (2015). *Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Koentjaraningrat. (2000). *Pengantar Ilmu Antropologi*. Jakarta: Rineke Cipta
- Marican, Sabitha. (2005). *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Norshahira Abdul Said & Leng Poh Gee. (2023). Kajian Kes Terhadap Igal-Igal Suku Kaum Bajau Di Daerah Kunak, Sabah. Dlm. *Chin, L. F. H., Hamza, H. Z., & Sampurno, M. B. T. (Eds.). Kajian kes dalam seni persembahan. Volume 1. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris*. Pp: 78-91.
- Home [Facebook page]. Facebook Pusat Kebudayaan Bajau Sama Tuaran. Diakses pada September, 10, 2024, https://www.facebook.com/RumahBajau/?locale=ms_MY
- Home [Facebook post]. (2024, Oktober, 21). Facebook Nazir Badu Sama. Facebook. https://www.facebook.com/rashideh2?locale=ms_MY
- Riza Mutia, dkk. (1996). *Kerajinan perak di Sumatera Barat*. Padang: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Museum Negeri Propinsi Sumatera Barat.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2009). Pragmatik ragam dan warna tipo selisir dan sempangan Bajau. Dlm. *Low Kok On, Inon Shahrudin Abd Rahman & Esterlina Lazarus (Eds.). Isu-isu Sastera dan Budaya: Prosiding Persidangan Seni Kebangsaan, 24-25 Julai 2009*. Kota Kinabalu: Norzaynab Printing Sdn Bhd. Pp: 263-272.

Salbiah Kindoyop, Humin Jusilin & Noria ak Tugang. (2017). Pembudayaan reka bentuk busana tradisional masyarakat Dusun Tindal di Sabah. *Jurnal Gendang Alam*, 7, 137-149.

Siti Halizah Mudin, Zaimie Sahibil & Friscilla Saimun. (2019). Pembentukan imej geometri dan citra budaya dalam tenunan tubau masyarakat Iranun di Kota Belud. *Jurnal Gendang Alam*, 9, 43-55.

Tamu Besar Kota Belud. (2024, September 19). <https://kotabeludhijau.wordpress.com/2009/10/20/tamu-besar-kota-belud-24-25-10-2009/>

Ulrich, D. (1998). Six practices for creating communities of value, not proximity. In F. Hesselbein, M. Goldsmith, R. Beckhard, & R. F. Schubert (Eds.). *The community of the future* (pp. 155–166). San Francisco: Jossey-Bass Publishers.

UNESCO. (2003). *Convention for the safeguarding of the intangible Cultural Heritage*. Paris: UNESCO.

Wills, J. (2001). Just, vibrant and sustainable communities, a framework for progressing and measuring community wellbeing. Local Government Community Services of Australia, Townsville.

Yuliarma, Y. (2016). *The art of embroidery designs: Mendesain motif dasar bordir dan sulaman*. Jakarta: Keputakaan Populer Gramedia.